

Polis tembak tayar kereta penjenayah

12 Mei 2022

DUA suspek yang berjaya ditahan polis selepas kereta dinaiki terbabas dalam kejadian di Kampung Limbawang, Beaufort.



Polis **tembak** tayar kereta penjenayah

Dua lelaki hampir rempuh anggota polis ditahan bersama syabu

Oleh Juwan Riduan
am@hmetro.com.my

Beaufort

Polis terpaksa melepaskan beberapa das tembakan pada tayar kereta dinaiki dua lelaki selepas suspek merempuh anggota polis di Kampung Limbawang, di sini, malam kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 8.30 malam, kedua-dua suspek berusia 31 dan 35 tahun berjaya ditahan selepas kereta dinaiki mereka terbabas di Jalan Melulugus yang sedang dinaiki air akibat banjir.

Ketua Polis Daerah Beau-

fort Deputy Superintendan Yusoff Zaki berkata, terdahulu sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Beaufort melakukan pemantauan di sebuah rumah tidak bernombor di kawasan itu.

Menurutnya, sebuah kereta Proton Saga yang dinaiki dua lelaki dalam keadaan mencurigakan masuk ke kawasan rumah berkenaan.

"Pasukan serbuan mendekati kereta itu sebelum mengarahkan pemandu (suspek) berhenti, namun suspek bertindak agresif dan terus memandu laju ke arah pasukan serbuan se-

hingga hampir melanggar anggota polis.

"Polis kemudian melepaskan beberapa das tembakan ke arah tayar bagi tujuan keselamatan diri dan untuk menghalang kereta berkenaan, tetapi kereta dinaiki suspek terus memecut laju," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, anggota polis mengejar kereta berkenaan sehingga di Jalan Melulugus berhampiran sebuah kolej dan kereta terbabit terbabas di tepi jalan yang sedang dinaiki air banjir.

Katanya, kedua-dua suspek bertindak melarikan diri, namun berjaya diberkas.

"Hasil pemeriksaan di dalam kereta dinaiki suspek menemukan satu pekuk plastik lutsinar sederhana besar mengandungi ketulan hablur jernih disyaki dadah syabu seberat 6.11 gram di tempat duduk sebelah pemandu.

"Saringan ujian air kencing mendapati kedua-dua suspek positif dadah jenis methamphetamine dan amphetamine," katanya.

Menurutnya, semakan mendapati salah seorang suspek mempunyai rekod jenayah membabitkan penyalahgunaan dadah dan siasatan dibuat mengikut Seksyen 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.